

70 peratus belanja makan, rumah dan pengangkutan

Peraturan perbelanjaan penggunaan isi rumah di Malaysia

Pendapatan 1,999 dan ke bawah

- Makanan dan minuman bukan alkohol - 28.9 peratus
- Perumahan, air, elektrik, gas, bahan api dan lain-lain - 31.5 peratus
- Pengangkutan - 7 peratus

Pendapatan antara RM2,000 hingga RM4,999

- Makanan dan minuman bukan alkohol - 22 hingga 26 peratus
- Perumahan, air, elektrik, gas, bahan api dan lain-lain - 23.9 hingga 27.4 peratus
- Pengangkutan - 9.7 hingga 11.7 peratus

Pendapatan antara RM5,000 hingga RM9,999

- Makanan dan minuman bukan alkohol - 16.2 hingga 20.3 peratus
- Perumahan, air, elektrik, gas, bahan api dan lain-lain - 23.6 hingga 23.7 peratus
- Pengangkutan - 12.9 hingga 14.1 peratus

Pendapatan antara RM10,000 dan RM14,999

- Makanan dan minuman bukan alkohol - 14.4 peratus
- Perumahan, air, elektrik, gas, bahan api dan lain-lain - 22.7 peratus
- Pengangkutan - 14.1 peratus

Pendapatan RM15,000 dan keatas

- Makanan dan minuman bukan alkohol - 11.3 peratus
- Perumahan, air, elektrik, gas, bahan api dan lain-lain - 22.4 peratus
- Pengangkutan - 16.4 peratus

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM)

Ketiga-tiga komponen itu menjadi keutamaan rakyat untuk hidup selesa

Oleh **DIANA AZIS & MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM**
KUALA LUMPUR

dalam memastikan kehidupan mereka selesa.

"Justeru Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) perlu menumpukan kepada tiga komponen itu dalam usaha menyelesaikan isu kos sara hidup.

"Golongan berpendapatan rendah (B40) hingga pendapatan tinggi (T20) akan gunakan purata antara 60 hingga 70 peratus daripada perbelanjaan mereka untuk penuhi tiga keperluan itu," katanya dalam wawancara khas bersama *Sinar Harian* pada Jumaat.

Dalam pada itu Noor Azlan berkata, komponen lain seperti pendidikan dan kesihatan juga perlu dititikberatkan, namun desakan lebih kepada tiga perkara itu buat masa ini.

"Kerajaan perlu memberi lebih tumpuan kerana ia bukan isu baharu. Kita mahu ada kerangka yang menyeluruh bagaimana untuk tangannya,



Cabaran kerajaan masa ini adalah menangani isu kos sara hidup.

kena ada kerangka yang jelas dan ia menjadi perkara 'pokok' sekarang.

"Justeru cabaran kerajaan masa ini adalah lebih kepada menangani isu kos sara hidup dengan melaksanakan kegiatan ekonomi yang betul serta membawa kepada penyelesaian mampan.

"Kalau setakat bagi bantuan, ia sekadar bantuan dan bukan penyelesaian. Bagaima-

na di hujungnya nanti?" ujarnya.

Katanya, NACCOL juga perlu menyediakan kerangka yang lebih komprehensif disertakan dengan tindakan yang efektif agar ia dapat dilaksanakan dengan baik.

Ujarnya, kaedah mengukur prestasi juga perlu diwujudkan agar kerajaan dapat menilai sama ada penambahbaikan itu berjaya atau tidak.

Ikuti wawancara penuh di muka 10 dan 11

Rakyat Malaysia memperuntukkan sehingga 70 peratus daripada keseluruhan bakul perbelanjaan mereka untuk memenuhi keperluan makanan, perumahan dan pengangkutan.

Ahli Majlis Tindakan Ekonomi (MTE), Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali berkata, ketiga-tiga komponen berkenaan merupakan keutamaan rakyat